

MAQASID AL-SYARIAH DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN: SUATU PERBAHASAN AWAL

(Maqasid al-Syariah in the Federal Constitution: A Preliminary Exposition)

Shamrahayu A. Aziz
srahayu@iiium.edu.my

Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Abstrak

Maqasid al-syariah merujuk tujuan luhur pensyariat Islam yang berasaskan prinsip maslahat kepada umat manusia secara universal yang diperoleh melalui nas atau autoriti syariat Islam. Perlembagaan Persekutuan pula merupakan undang-undang tertinggi negara yang mempunyai ideologi dan ciri tertentu. Perbahasan yang menggabungkan kedua-dua elemen ini merupakan suatu wacana baharu yang bertujuan mencungkil elemen *maqasid al-syariah* dan mengukur keupayaan perlembagaan sebagai sandaran untuk melaksanakan prinsip yang universal ini. Melalui kaedah perbandingan dan perharmonian didapati bahawa ciri dan peruntukannya memenuhi sebahagian besar daripada keperluan asasi manusia, iaitu keperluan menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Kata kunci: *maqasid al-syariah*, Perlembagaan Persekutuan, sistem perundangan Islam

Abstract

Maqasid al-syariah (high intent of law) refers to the universal principles of benefit to mankind that are obtained via Islamic texts or authority. Meanwhile, the Federal Constitution is the supreme law of the country which contains peculiar elements that are certain ideology and peculiar elements. A discussion of both of these together is a new discourse, attempting to uncover the elements of maqasid al-syariah as well as gauge the extent to which the Federal Constitution is able to support the implementation of the universal principles of the maqasid al-syariah. Using a comparative and

harmonization approach, this study found that the Federal Constitution abounds with maqasid al-syariah principles, such as the protection of religion, life, intellect, lineage and property.

Keywords: maqasid al-syariah, Federal Constitution, Islamic legal system

PENDAHULUAN

Wacana Perlembagaan Persekutuan dan *maqasid al-syariah* merupakan suatu inovasi yang memerlukan perbahasan. Walaupun perbahasan tentang perlembagaan dan *maqasid al-syariah* bukanlah perkara baharu dalam bidang perundangan di Malaysia, umumnya dan perundangan Islam, khususnya tetapi gabungan kedua-duanya telah mewujudkan suatu ruang wacana yang baharu. Undang-undang perlembagaan merupakan subjek dalam disiplin undang-undang yang luas dan penting, manakala *maqasid al-syariah* merupakan subjek yang telah begitu lama bertapak dalam ilmu syariah. Kedua-duanya merupakan disiplin ilmu yang telah tersusun rapi dalam kerangka teori epistemologi dan ontologi. Namun, seperti juga ilmu atau disiplin lain, kedua-duanya menempuh pelbagai dimensi perubahan melalui inovasi, serta kemahuan dan keperluan semasa masing-masing.

Hubungan perlembagaan dengan *maqasid al-syariah* dipercayai mempunyai hubungan yang amat berkait rapat. *Maqasid al-syariah* merupakan tujuan luhur pensyariatian hukum-hakam Islam yang menjamin lima kepentingan manusia secara sejagat, manakala perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara merupakan ibu atau rujukan kepada segala perundangan dan polisi yang mengutamakan kesejahteraan rakyat, warganegara atau sesiapa sahaja, dan kesejahteraan negara. Secara keseluruhannya, perlembagaan sudah tentu mempunyai hala tuju dan impian untuk memberikan kesejahteraan kepada individu, masyarakat dan negara, begitu juga dengan *maqasid al-syariah*. Meskipun peranan Islam dalam perlembagaan telah banyak dibincangkan dan diterbitkan, namun di Malaysia sehingga kini masih belum ada kajian yang mengaitkan perlembagaan dengan *maqasid al-syariah*. Perbincangan tentangnya masih belum meluas dan makalah ini merupakan satu usaha awal untuk mengaitkan perlembagaan dengan *maqasid al-syariah*.

Metodologi kajian yang digunakan dalam makalah ini bersifat perbandingan dan pengharmonian. Selain analisis terhadap kerangka konsep dan teori faham perlembagaan (*constitutionalism*) secara umum, analisis dibuat terhadap peruntukan perlembagaan dengan menyenaraikan ciri perlembagaan dan mengaitkannya dengan prinsip *maqasid al-syariah*.

Makalah ini akan meneliti kerangka konsep dan teori *maqasid al-syariah* yang memerlukan pentafsiran dalam peruntukan perlembagaan, terutama yang berkaitan dengan aspek *dhoruriyyat* atau keperluan asasi manusia. Makalah ini akan melihat makna dan ideologi perlembagaan secara umum dan melihat ciri dan maksud *maqasid al-syariah* agar konsep dan teori *maqasid al-syariah* dapat difahami dengan jelas sebelum dianalisis dalam peruntukan yang sedia ada dalam perlembagaan.

DEFINISI PERLEMBAGAAN DAN IDEOLOGI FAHAM PERLEMBAGAAN

Perkataan “perlembagaan” daripada kata dasar “lembaga” telah ditafsirkan oleh *Kamus Dewan* sebagai “undang-undang atau peraturan negeri, atau dasar pemerintahan negeri”.¹ Dari segi istilah, perlembagaan ialah satu set peraturan yang menentukan struktur dan fungsi organisasi. Pandangan Wheare (1966) sentiasa menjadi rujukan untuk mentafsir perlembagaan. Beliau menyatakan bahawa dalam perbincangan hal ehwal politik, perkataan perlembagaan biasanya membawa dua maksud. Pertama, merujuk keseluruhan sistem sesebuah negara, iaitu koleksi peraturan yang menubuhkan dan mengawal selia atau mentadbir sesebuah kerajaan. Di kebanyakan negara, perlembagaan merupakan kumpulan peraturan dalam suatu dokumen atau dalam beberapa dokumen yang berkait rapat.²

Seorang ahli sains politik lain menyatakan maksud yang lebih kurang serupa, iaitu perlembagaan bagi sesebuah negara merupakan suatu bentuk peraturan sama ada bertulis ataupun tidak yang menentukan susunan sesebuah kerajaan, pembahagian kuasa kepada institusi yang membentuk negara, serta menentukan prinsip umum tentang pelaksanaan kuasa yang telah ditentukan.³

Berdasarkan definisi tersebut, perlembagaan merupakan seluruh

1 Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005. *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 916.

2 Wheare, K. C., 1966. *Modern Constitutions*. Oxford [Oxfordshire]: Oxford University Press. “... the word “constitution” is commonly used in at least two senses in any ordinary discussion of political affairs. First of all it is used to describe the whole system of government of a country, the collection of rules which establish and regulate or govern the government. ... In almost every country in the world except Britain however, the word “constitution” is used ... to describe not the whole collection of rules, legal and non-legal, but rather a selection of them which has usually been embodied in one document or in a few closely related documents ...”

sistem pentadbiran negara yang terdiri daripada koleksi peraturan yang telah diterima untuk menyelaraskan dan mentadbir negara sama ada dalam bentuk kodifikasi ataupun tidak. Dengan kata lain, perlembagaan merujuk seluruh sistem pentadbiran sesebuah negara yang mengandungi peraturan yang menubuhkan, mengawal selia dan mentadbir kerajaan. Peraturan tersebut boleh dibuat secara perundangan (*legal*) atau amalan (*non-legal rules*). Amalan juga dikenali sebagai konvensyen perlembagaan atau adat. Perlembagaan merupakan undang-undang asas negara, iaitu “*the law behind the law - the legal source of legitimate authority*”⁴ dan tiada undang-undang yang lebih tinggi daripadanya.

Perlembagaan menentukan institusi utama sesebuah negara, iaitu badan pelaksana (*executive*), perundangan (*legislative*) dan kehakiman (*judiciary*). Perlembagaan menetapkan kuasa dan pada masa yang sama menghadkan atau meletakkan skop kuasa yang jelas dan yang telah ditetapkan kepada institusi tersebut. Keadaan ini mewujudkan konsep semak dan imbang seperti yang dimaksudkan oleh perlembagaan yang difahami pada hari ini. Dalam konsep perlembagaan semasa, antara perkara yang dititikberatkan, termasuklah pengasingan kuasa. Perkara yang paling penting dalam konsep pengasingan kuasa ialah semak dan imbang, terutama dalam konteks kebebasan kehakiman. Walau bagaimanapun, konsep pengasingan kuasa ini tidak begitu ketat mengikut Sistem Westminster. Di samping itu, perlembagaan juga akan menentukan hak dan kebebasan rakyat. Hak tersebut tiada pada mana-mana pihak, terutama pihak pelaksana, dan kerajaan tidak boleh campur tangan, kecuali secara sah.

Perlembagaan mengandungi perkara asas sesebuah negara seperti nama geografi negara atau persempadanan negara. Perlembagaan juga menjelaskan sistem pentadbiran negara. Sebagai contoh, perlembagaan moden menentukan sistem negara sama ada sistem demokrasi beraja atau demokrasi republik atau apa-apa juga sistem yang dipilih oleh sesebuah negara. Dengan kata lain, jika ingin mengenali sesebuah negara, antara cara yang paling mudah adalah dengan cara membaca perlembagaan negara tersebut.

3 Gilchrist, R. N., 1921. *Principles of Political Science*. Bombay: Longman Greens and Co., hlm. 244. “*The constitution of a state, ... is that body of rules of laws, written of unwritten, which determines the organisation of government, the distribution of powers to the various organs of government, and the general principles on which these powers are to be exercised*”.

4 Stanley de Smith dan Rodney Brazier, t.th. *Constitutional and Administrative Law*. Edisi Kelapan, hlm. 5.

Dalam dunia demokrasi liberal yang diamalkan di kebanyakan negara di dunia, perlembagaan bukan semata-mata menjelaskan sistem atau tatacara pentadbiran dan sifat negara tetapi juga boleh dianggap sebagai manifestasi kehendak rakyat sesebuah negara. Perlembagaan Amerika Syarikat, misalnya menyatakan pada bahagian permulaannya (*preamble*) bahawa perlembagaan itu merupakan kehendak orang Amerika apabila dimulakan dengan “*We the people of America ...*”. Apabila perlembagaan itu merupakan manifestasi kehendak rakyat, maka perlembagaan juga berfungsi sebagai satu pemasyhuran terhadap persetujuan tatacara politik dan sosial yang perlu dipatuhi oleh rakyat dan kerajaan.⁵

Kenyataan tersebut bermaksud, perlembagaan bukan sahaja menjelaskan sistem pentadbiran negara tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme utama untuk menyelesaikan masalah sosial atau politik, serta hubungan antara ahli masyarakat dalam sesebuah negara. Perkara ini menjadi begitu penting, terutamanya dalam sebuah negara yang mempunyai jalinan sosial yang pelbagai seperti kepelbagaian kaum dan agama atau sebuah negara majmuk seperti Malaysia.⁶

Bagi sebuah negara yang pernah dijajah dan diperintah oleh kuasa asing, perlembagaan merupakan simbol kemerdekaan. Pada kebiasaannya, penjajah mahukan sesebuah negara itu mempunyai sistem tertentu yang dimasyhurkan menerusi perlembagaan sebelum mengisytiharkan atau mengiktiraf kemerdekaan negara tanah jajahannya atau negara di bawah pentadbirannya.

Bagi sebuah negara persekutuan atau negara yang membentuk gabungan pula, perlembagaan merupakan satu bentuk perjanjian. Negara persekutuan atau negara gabungan merupakan negara yang terdiri daripada beberapa buah negeri yang bersetuju untuk membentuk satu persekutuan atau gabungan pentadbiran. Walaupun terdapat perbezaan antara sistem pentadbiran sebuah negara persekutuan dengan negara gabungan tetapi fungsi perlembagaan bagi kedua-dua jenis negara ini adalah sama, iaitu membentuk perjanjian antara negeri yang membentuk sesuatu sistem itu.

Bagi negara persekutuan atau negara gabungan, perlembagaan pada kebiasaannya memperincikan sistem pentadbiran persekutuan. Perlembagaan juga memperincikan tahap kuasa atau hak autonomi negeri yang membentuk

5 Rujuk Stanley de Smith dan Rodney Brazier, t.th. *Constitutional and Administrative Law*. Edisi Kelapan, hlm. 5.

6 Rujuk Stanley de Smith dan Rodney Brazier, t.th. *Constitutional and Administrative Law*. Edisi Kelapan, hlm. 5. Lihat juga Rizal Yaakob dan Shamrahayu A. Aziz. *Kontrak Sosial Perlembagaan Persekutuan Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka*, 2014. Kuala Lumpur: ITBM.

gabungan atau persekutuan tersebut. Perkara inilah yang menjadikan perlembagaan itu sebagai satu perjanjian yang dipersetujui oleh kedua-dua peringkat pentadbiran. Dengan adanya perlembagaan sebagai sebuah perjanjian, perlembagaan tersebut akan menjadi rujukan dalam apa-apa juga bentuk perselisihan antara negeri yang membentuk persekutuan atau gabungan tersebut, atau jika berlakunya perselisihan antara kerajaan persekutuan dengan salah satu negeri atau negeri dalam persekutuan atau gabungan tersebut. Perjanjian ini penting bagi memastikan kedua-dua peringkat kerajaan itu memahami tahap kuasa dan tanggungjawab masing-masing. Selain itu, perlembagaan juga boleh dianggap sebagai sebuah perjanjian antara kerajaan dengan rakyat. Hal ini dapat disaksikan dalam pengisian perlembagaan yang kebiasaannya mengandungi peruntukan berkenaan hak atau kebebasan rakyat. Perlembagaan juga meletakkan tanggungjawab tertentu terhadap rakyat dan juga kerajaan.

CIRI PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Sebelum melihat ciri perlembagaan, penting untuk difahami tentang pembentukan Malaysia dari segi geografi dan sejarahnya. Malaysia merupakan sebuah negara persekutuan yang dibentuk oleh 13 buah negeri yang merdeka. Negeri yang membentuk Malaysia terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu. Malaysia juga mempunyai tiga wilayah persekutuan, iaitu (1) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, yang asalnya sebahagian daripada negeri Selangor; Labuan, yang merupakan sebahagian daripada Sabah dan (3) Putrajaya, yang juga merupakan sebahagian daripada Selangor.

Setiap satu daripada negeri yang membentuk Persekutuan Malaysia mempunyai perlembagaannya yang tersendiri dan dikuatkuasakan hanya dalam negeri masing-masing. Kesemua negeri yang membentuk Malaysia mempunyai sejarah masing-masing. Sembilan buah negeri Melayu mempunyai sejarah yang panjang, terutamanya tentang kedudukan dan peranan yang dimainkan oleh agama Islam dalam bentuk perundangan, sosial, budaya dan juga politik. Perlembagaan merupakan sebuah perlembagaan yang digubal sebagai mercu tanda kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 dan seterusnya pembentukan Malaysia pada tahun 1963 yang mempunyai ciri umum tertentu.

Perlembagaan Bertulis

Perlembagaan Persekutuan ialah perlembagaan bertulis yang menjadikannya sebagai undang-undang utama atau undang-undang paling tinggi dalam Persekutuan (Malaysia). Perlembagaan boleh dilihat bentuk fizikalnya sebagai sebuah dokumen. Perlembagaan tersebut digubal oleh Suruhanjaya Perlembagaan yang dikenali sebagai Suruhanjaya Reid. Lantikan atau bidang tugas Suruhanjaya Reid telah ditetapkan oleh raja-raja Melayu. Perlembagaan telah diluluskan oleh Parlimen British, dibawa pulang ke Tanah Melayu, serta dibahaskan dan diluluskan oleh Badan Perundangan Persekutuan (*Federal Legislative Council*) sebelum diterima sebagai Perlembagaan Persekutuan. Seterusnya perlembagaan tersebut diterima oleh setiap badan perundangan negeri untuk beroperasi di negeri yang membentuk Persekutuan Tanah Melayu. Ketika membentuk Malaysia pada tahun 1963, perlembagaan yang sama telah diterima, dipinda dan seterusnya beroperasi di negeri yang baru menyertai persekutuan. Perlembagaan bertulis yang sama digunakan selepas Singapura bukan lagi sebahagian daripada Malaysia.

Walaupun perlembagaan ini bertulis dan jelas maksudnya dalam undang-undang perlembagaan, masih lagi terdapat peraturan yang tidak bertulis. Peraturan yang tidak bertulis dapat dilihat dalam amalan atau konvensyen perlembagaan yang berasaskan sejarah, sosiologi, antropologi, budaya dan politik negara. Sebagai dokumen bertulis, perlembagaan juga memerlukan pentafsiran kerana adakalanya dokumen bertulis tidak dapat menggambarkan maksud yang sebenar. Adakalanya perkataan yang bertulis mempunyai maksud yang berbeza dan tertentu, apatah lagi perlembagaan sebagai sebuah dokumen yang menjangkau masa dan berfungsi sepanjang zaman atau dikenali sebagai *organic law*, iaitu sifatnya yang “hidup” seharusnya boleh disesuaikan dalam pelbagai keadaan.

Tafsiran Perlembagaan

Tafsiran perlembagaan memainkan peranan yang amat penting bagi memastikan perlembagaan sesuai dan boleh diterima sebagai dokumen yang relevan sepanjang masa. Untuk mentafsir perlembagaan, beberapa kaedah boleh diterima seperti kaedah literal, iaitu kaedah yang hanya melibatkan maksud kamus atau maksud yang tersurat. Perlembagaan juga boleh ditafsirkan menggunakan kaedah *purposive*, iaitu kaedah yang melihat niat sesuatu peruntukan sama ada melihat sejarah atau perkara lain. Tafsiran kepada perlembagaan tidak boleh begitu ketat sehingga menjadikannya tegar (*rigid*) dan menyusahkan. Tafsiran sebegini akan membolehkan perlembagaan sesuai sepanjang masa.

Tafsiran perlembagaan juga hendaklah menggunakan pendekatan yang menyeluruh (holistik). Pendekatan menyeluruh bermaksud, perlembagaan hendaklah difahami berdasarkan maksud keseluruhan dokumen dan bukan hanya memilih peruntukan yang disukai sahaja tanpa mengaitkannya dengan keseluruhan dokumen.⁷

Mahkamah yang paling tinggi mempunyai autoriti yang paling tinggi untuk mentafsir perlembagaan tersebut. Dalam kes di Malaysia, mahkamah persekutuan merupakan mahkamah yang berhak menentukan tafsiran perlembagaan. Bahkan, sekiranya sesuatu kes sedang didengar di mahkamah yang lebih rendah dan timbul persoalan tentang tafsiran perlembagaan, maka kes itu hendaklah dihentikan sementara. Persoalan tentang tafsiran perlembagaan perlu dirujuk kepada mahkamah persekutuan dan setelah persoalan tersebut diselesaikan, barulah mahkamah yang lebih rendah boleh meneruskan prosiding atau urusan berkaitan dengan kes tersebut.⁸

Perlembagaan Undang-undang Tertinggi

Sebagai undang-undang tertinggi negara, apa-apa juga undang-undang yang diluluskan selepas hari kemerdekaan negara adalah tidak sah sekiranya didapati tidak selaras dengan peruntukan perlembagaan⁹, manakala undang-undang yang telah sedia ada sebelum hari kemerdekaan negara hendaklah diubah suai sehingga menjadi selaras dengan perlembagaan.¹⁰

Sebagai undang-undang tertinggi negara, perlembagaan menjadi penanda aras kepada semua undang-undang dan polisi atau kaedah pentadbiran negara. Semua undang-undang atau polisi tersebut hendaklah menepati segala peruntukan yang ada dalam perlembagaan. Perlembagaan menjadi badan penting dan punca kuasa penubuhan sesebuah kerajaan yang terbahagi kepada tiga badan, iaitu eksekutif, perundangan dan kehakiman. Perlembagaan juga berkuasa mentakrifkan kuasa dan menentukan skop kuasa ketiga-tiga badan tersebut.

Parlimen merupakan sebuah badan perundangan pada peringkat persekutuan yang terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat

7 Untuk bacaan lanjut tentang tafsiran perlembagaan, sebagai contoh lihat, Ahmad Ibrahim, 1978. "Interpreting the Constitution: Some General Principles" dlm. Suffian, Lee dan Trindade (ed.). *The Constitution of Malaysia: Its Development 1957-1977*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

8 Perlembagaan Persekutuan, perkara 128. Lihat juga perkara 4(4).

9 Perlembagaan Persekutuan, perkara 4(1).

10 Perlembagaan Persekutuan, perkara 162(6)(7).

dan Dewan Negara.¹¹ Pada peringkat negeri, semua negeri mempunyai badan perundangan masing-masing yang terdiri daripada raja bagi negeri dan Dewan Undangan Negeri. Fungsi badan perundangan adalah untuk menggubal undang-undang dan parlimen menggubal undang-undang di bawah Senarai Persekutuan dan Senarai Bersama.¹² Undang-undang yang diluluskan oleh parlimen dikenali sebagai akta parlimen. Dewan Undangan Negeri pula menggubal undang-undang di bawah Senarai Negeri dan Senarai Bersama. Undang-undang ini dikenali sebagai enakmen, tetapi bagi negeri Sarawak, undang-undang ini dikenali sebagai ordinan.

Badan perundangan yang penting dan berkaitan dengan *maqasid al-Syariah* ialah badan yang mengubal undang-undang yang menepati prinsip *maqasid al-syariah*. Pihak pelaksana atau eksekutif merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan undang-undang dan polisi negara. Perlembagaan meletakkan peruntukan kuasa eksekutif persekutuan kepada Yang di-Pertuan Agong dan, tertakluk pada peruntukan “mana-mana undang-undang persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, bolehlah dijalankan olehnya atau oleh jemaah menteri atau mana-mana menteri yang diberikan kuasa oleh jemaah menteri”. Di samping itu, parlimen boleh melalui undang-undang memberikan fungsi eksekutif kepada orang lain.¹³ Kabinet yang terdiri daripada menteri dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menasihatinya dalam menjalankan kuasa yang tidak melibatkan budi bicara baginda.¹⁴ Menteri kabinet bertanggungjawab merangka dasar, pelan menyelaraskan program pembangunan ekonomi dan sosial di negara ini.

Sementara itu, perkhidmatan awam ialah sebahagian daripada badan pelaksana atau eksekutif. Perkhidmatan awam bertanggungjawab untuk melaksanakan undang-undang dan dasar yang ditakrifkan di bawah perkara 132 perlembagaan. Antara badan yang terletak di bawah perkhidmatan awam, termasuklah angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan undang-undang, perkhidmatan awam persekutuan, pasukan polis, perkhidmatan awam bersama, perkhidmatan awam setiap negeri, dan perkhidmatan pendidikan.¹⁵

Pihak eksekutif berperanan melaksanakan undang-undang dan dasar atau polisi negara. Oleh sebab perlembagaan telah menjadi punca kuasa pihak eksekutif, maka, pihak eksekutif tertakluk pada tanggungjawab melaksanakan *maqasid al-syariah* yang terkandung dalam perlembagaan.

11 Perlembagaan Persekutuan, perkara 39.

12 Perlembagaan Persekutuan, perkara 74.

13 Perlembagaan Persekutuan, perkara 39.

14 Perlembagaan Persekutuan, perkara 40.

15 Perlembagaan Persekutuan, perkara 132.

Badan kehakiman merupakan satu lagi badan penting kerajaan. Bahagian IX perlembagaan mempunyai peruntukan tentang badan kehakiman. Perlembagaan juga menyebut penubuhan mahkamah persekutuan, mahkamah rayuan, mahkamah tinggi dan mahkamah khas, iaitu mahkamah yang mempunyai bidang kuasa tentang perkara yang melibatkan raja-raja yang ditubuhkan di bawah perkara 182 perlembagaan.

Perkara penting yang melibatkan badan kehakiman dan *maqasid al-syariah* ialah badan kehakiman yang mempunyai kuasa dan bidang kuasa, khususnya mahkamah persekutuan untuk mentafsir perlembagaan.¹⁶ Oleh itu, badan kehakiman berperanan penting mencungkil prinsip *maqasid al-syariah* dalam perlembagaan. Hal ini dikatakan demikian kerana pada umumnya perlembagaan mempunyai peruntukan yang luas dan tafsirannya boleh dibuat menerusi pelbagai kaedah. Seandainya perlembagaan tidak mempunyai peruntukan yang jelas, sudah tentu mahkamah sukar melaksanakan peranannya untuk mentafsir perlembagaan dan menerima pakai prinsip *maqasid al-syariah*.

Selain itu, perlembagaan juga membenarkan penubuhan mahkamah syariah pada peringkat negeri.¹⁷ Peruntukan ini telah wujud dalam perlembagaan sejak merdeka lagi. Menerusi pindaan 1988, perlembagaan telah menentukan bidang kuasa mahkamah syariah dengan lebih jelas dalam perkara 121(1A) bahawa mahkamah lain tidak mempunyai kuasa untuk mendengar kes di bawah bidang kuasa mahkamah syariah. Bidang kuasa mahkamah syariah juga boleh dilihat dalam proviso perkara 5(4) yang memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang ditahan berkaitan dengan kesalahan syariah hendaklah dibawa ke hadapan hakim mahkamah syariah.

Selain menunjukkan wujudnya *maqasid al-syariah* dalam perlembagaan, pengiktirafan terhadap mahkamah syariah menjadi satu mekanisme untuk melaksanakan *maqasid al-syariah*. Sifat perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara amat penting untuk melaksanakan *maqasid al-syariah*. Sekiranya *maqasid al-syariah* wujud atau telah sedia dalam perlembagaan, hal ini bermakna *maqasid al-syariah* secara tidak langsung telah membentuk undang-undang tertinggi negara.

Perlembagaan Beraja

Perlembagaan mengiktiraf sistem beraja dengan cara mengekalkan takhta raja Melayu dan menambah satu lagi takhta raja pada peringkat persekutuan

16 Perlembagaan Persekutuan, perkara 128.

17 Perlembagaan Persekutuan, jadual kesembilan, senarai negeri, butiran 1.

apabila menubuhkan institusi Yang di-Pertuan Agong. Seiring dengan itu juga, perlembagaan mengisytiharkan institusi Majlis Raja-Raja dengan beberapa tugas berdasarkan budi bicara dan bukan budi bicara.¹⁸ Antara tugas dan peranan lain Majlis Raja-Raja adalah dalam hal yang berkaitan dengan agama Islam. Selain itu, Majlis Raja-Raja juga berperanan menjaga kedudukan takhta Yang di-Pertuan Agong, kedudukan perlembagaan negeri, serta beberapa elemen tradisi dalam perlembagaan seperti bahasa dan keistimewaan orang Melayu. Majlis Raja-Raja juga boleh menjadi mekanisme semak dan imbang apabila diberikan peranan budi bicara.¹⁹

Perlembagaan dan perlembagaan negeri memperuntukkan sistem raja berperlembagaan pada peringkat persekutuan dan negeri masing-masing. Raja berperlembagaan bermaksud raja, iaitu Yang di-Pertuan Agong pada peringkat persekutuan dan raja-raja pada peringkat negeri hendaklah bertindak atau melaksanakan sebahagian besar daripada tugas dan fungsi atas nasihat jemaah menteri (kabinet) atau Majlis Mesyuarat Negeri (Exco) masing-masing seperti yang termaktub dalam perkara 40(1) dan (2) perlembagaan. Namun, terdapat beberapa perkara yang boleh dilaksanakan oleh raja-raja Melayu tanpa nasihat jemaah menteri atau Exco yang dinamakan sebagai kuasa budi bicara. Antaranya termasuklah melantik Perdana Menteri atau Menteri Besar, membubarkan setelah diminta dan memanggil Majlis Raja-raja bermesyuarat.²⁰ Ada juga pendapat yang menyatakan bahawa pengisytiharan keadaan darurat dalam negara juga merupakan kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong.²¹

Dalam konteks *maqasid al-syariah*, pengekalan kedudukan raja atau sistem monarki menjadi petanda baik tentang kewujudan *maqasid al-syariah* dalam perlembagaan. Hal ini berkait rapat dengan penjagaan agama yang merupakan *maqasid al-syariah* yang pertama. Pada peringkat persekutuan, Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua utama negara²², manakala para raja atau sultan pada peringkat negeri merupakan ketua utama bagi negeri. Para raja disyaratkan menganut agama Islam dan baginda juga merupakan ketua agama Islam di negeri masing-masing, manakala Yang di-Pertuan

18 Perlembagaan Persekutuan, perkara 38 dan jadual kelima.

19 Lihat Shamrahayu A. Aziz, "Raja Berperlembagaan Kesenambungan Waad, Raja dan Rakyat" dlm. Mohd. Yusof Hitam, Ghazali Dato' Mohd Yusoff dan Sofian Ahmad, 2016. *Rakyat, Raja dan Kerajaan Ketatanegaraan Peribumi Bangsa Rumpun Melayu*. Kuala Lumpur: Lembaga Peradaban Melayu (ADAB).

20 Perlembagaan Persekutuan, perkara 40(2)(a)(b)(c).

21 Perlembagaan Persekutuan, perkara 150.

22 Perlembagaan Persekutuan, perkara 32.

Agong merupakan ketua agama Islam bagi negeri baginda dan negeri-negeri yang tidak beraja (Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak).²³ Melalui *maqasid al-syariah*, tiada seinci pun tanah di Malaysia yang tidak dinaungi oleh raja sebagai ketua agama Islam. Agama Islam juga ditadbir mengikut budi bicara baginda dan bukan atas nasihat mana-mana pihak. Semua raja-raja Melayu mengangkat sumpah jawatan masing-masing untuk mentadbir berdasarkan perlembagaan, undang-undang dan keadilan, serta pada masa yang sama memelihara agama Islam.²⁴ Kesemua prinsip ini amat jelas dan berkait rapat dengan prinsip *maqasid al-syariah* untuk menjaga agama.

Perlembagaan Menjamin Demokrasi Berparlimen

Perlembagaan mempunyai ciri demokrasi berparlimen. Melalui peruntukan perlembagaan, Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen yang mengandungi peruntukan yang berkaitan dengan pilihan raya, penubuhan Suruhanjaya Pilihan Raya²⁵ dan parlimen.²⁶ Walau bagaimanapun tiada perkataan “demokrasi” dijumpai dalam perlembagaan secara harfiah.

Umumnya, terdapat dua corak pemerintahan demokrasi, iaitu sistem beraja dan sistem republik. Tanah Melayu yang merdeka pada tahun 1957, dan kini Malaysia memilih dan mengekalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Melalui sistem ini, perlembagaan menubuhkan parlimen dan badan perundangan persekutuan yang terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong dan dua majlis, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Kuasa dan hak badan perundangan persekutuan terletak di bawah parlimen, manakala pada peringkat negeri, kuasa dan perundangan negeri terletak di bawah Dewan Undangan Negeri.

Demokrasi berparlimen bermaksud rakyat terlibat dalam pentadbiran. Rakyat mempunyai kedaulatan politik (*political sovereign*) atau bebas untuk memilih wakil mereka melalui pilihan raya. Pada tahun 2012, Kanun Keseksan telah dipinda bagi memperkenalkan peruntukan yang berkaitan dengan demokrasi berparlimen. Kedudukan undang-undang ini menunjukkan betapa pentingnya sistem demokrasi di Malaysia.

Bagi membuktikan sistem demokrasi telah lama diamalkan di Malaysia, perlembagaan telah membincangkan dengan jelas kedudukan, peranan dan tanggungjawab raja yang berkaitan dengan agama Islam. Selain itu, perlembagaan juga mempunyai peruntukan yang jelas dan terperinci

23 Perlembagaan Persekutuan, perkara 3 dan jadual kelima.

24 Perlembagaan Persekutuan, jadual keempat.

25 Perlembagaan Persekutuan, bahagian viii.

26 Perlembagaan Persekutuan, perkara 44.

tentang kedudukan Islam. Oleh itu, dalam konteks *maqasid al-syariah*, walaupun perlembagaan mengesahkan sistem demokrasi melalui pilihan raya dan parlimen, namun dalam sistem tersebut terdapat beberapa elemen lain yang perlu diambil kira. Antaranya termasuklah sumpah raja-raja apabila menerima tanggungjawab sebagai ketua utama negara dan juga pada peringkat negeri sebagai ketua utama negeri untuk mentadbir negara berdasarkan perlembagaan, kedaulatan undang-undang, keadilan dan memelihara agama Islam. Di samping itu, pada peringkat negeri (sembilan buah negeri Melayu sahaja), kuasa raja-raja bagi melantik menteri besar begitu jelas melibatkan agama Islam. Walaupun syarat yang dikenakan oleh perlembagaan negeri bahawa seseorang itu hanya boleh dilantik sebagai menteri besar sekiranya beliau memenangi pilihan raya (melalui proses demokrasi) tetapi syarat lain yang dikenakan oleh perlembagaan negeri ialah beliau hendaklah juga beragama Islam dan berbangsa Melayu. Walaupun syarat ini boleh dimansuhkan atau boleh diabaikan oleh raja-raja tetapi syarat ini menunjukkan bahawa sistem demokrasi yang diamalkan masih lagi bergantung pada kuasa raja. Tanggungjawab raja memelihara agama Islam juga boleh dilihat sebagai peruntukan yang menjadi parameter tertentu untuk melaksanakan sistem demokrasi di negara ini.

Kuasa budi bicara raja berkenaan dengan agama Islam dan kuasa raja melantik hanya mereka yang beragama Islam dan berbangsa Melayu sebagai menteri besar merupakan peruntukan yang bersifat “semak dan imbang” dalam sistem demokrasi di Malaysia. Perkara ini boleh dijadikan sebagai parameter untuk memastikan demokrasi yang diterima dan diamalkan di negara ini tidak bersifat demokrasi liberal yang meletakkan rakyat sebagai *political sovereign* untuk menentukan undang-undang dan polisi negara. Meskipun dalam konteks *maqasid al-syariah*, negara menerima dan mengamalkan sistem demokrasi tetapi demokrasi tersebut tidak bersifat bebas untuk menentukan undang-undang, dasar dan polisi negara tanpa sebarang kawalan atau menjadi demokrasi liberal.

Perlembagaan Menjamin Kebebasan Asasi

Perlembagaan mempunyai peruntukan khusus untuk menjaga kebebasan asasi. Kebebasan asasi merupakan salah satu ciri penting perlembagaan yang bertujuan menjaga kepentingan masyarakat daripada diceroboh oleh pihak berkuasa. Menurut laporan Suruhanjaya Reid, peruntukan yang berkaitan dengan kebebasan asasi telah dimasukkan dalam perlembagaan untuk tujuan membina cara hidup berdemokrasi. Peruntukan berkaitan dengan kebebasan

asasi dimuatkan dalam Bahagian II perlembagaan. Bahagian II ini mengandungi sembilan peruntukan, iaitu perkara 5 hingga 13. Apabila digabungkan kesemua peruntukan ini didapati tidak kurang daripada 17 hak asasi yang dijamin oleh perlembagaan. Hak tersebut termasuklah hak untuk hidup dan hak untuk kebebasan peribadi (perkara 5); hak untuk tidak diperlakukan sebagai hamba dan hak tidak dijadikan buruh paksa (perkara 6); hak untuk tidak dikenakan undang-undang jenayah retrospektif (berkesan ke belakang)²⁷ dan hak tidak dibicarakan atas kesalahan yang sama (perkara 7); hak untuk diberikan layanan yang sama oleh undang-undang dan hak untuk dilindungi sama rata oleh undang-undang (perkara 8); hak untuk bergerak bebas dan hak tidak buang negeri (perkara 9); hak kebebasan bersuara, hak untuk berhimpun dan hak untuk menyertai persatuan (perkara 10.); hak untuk menganut, mengamalkan dan menyebarkan agama dan hak untuk membentuk persatuan agama (perkara 11); hak berkenaan dengan pendidikan yang merangkumi hak untuk menubuhkan institusi pendidikan agama (perkara 12) dan hak untuk memiliki harta (perkara 13). Semua hak ini tertakluk pada had dan sekatan yang boleh dikenakan oleh parlimen dengan pelbagai alasan. Alasan yang paling asas tentang batasan atau kawalan terhadap kebebasan asasi, termasuklah keselamatan negara, ketenteraman awam dan prinsip moral.

Sementara itu, dalam Senarai Negeri, Jadual Kesembilan dinyatakan bahawa badan perundangan negeri boleh melakukan kesalahan yang berkaitan dengan perintah agama Islam yang hanya boleh dikuatkuasakan terhadap mereka yang menganut agama Islam. Dalam menjalankan kuasa dan bidang kuasa berkenaan dengan perintah agama Islam, pihak badan perundangan negeri dan pihak berkuasa agama Islam (contohnya fatwa yang diwartakan) sering dianggap bersalahan dengan prinsip kebebasan asasi. Sebagai contoh, dalam kes *ZI Publications Sdn. Bhd. & Ezra*²⁸ pemohon mencadangkan kepada mahkamah supaya membuat pengisytiharan bahawa seksyen 16 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1985 adalah tidak sah kerana membentuk sekatan terhadap kebebasan bersuara. Walau bagaimanapun, mahkamah memutuskan dua perkara. Pertama, kebebasan asasi hendaklah dibaca bersama-sama perkara 3, iaitu peruntukan yang mengisytiharkan Islam sebagai agama bagi negara. Dan, keduanya, mahkamah memutuskan bahawa badan perundangan negeri mempunyai kuasa untuk melakukan

27 Lihat Shamrahayu A. Aziz, "Nullum Crimen Nulla Poena Sine Lege: Non-retrospective Application of Law under the Malaysian Federal Constitution [2008] 4 *The Law Review* 538".

28 *ZI Publications Sdn. Bhd. (Company No. 398106-W) & Mohd Ezra Bin Mohd Zaid lwn Kerajaan Negeri Selangor (Kerajaan Malaysia & Majlis Agama Islam Selangor sebagai Pencelah-Pencelah)* melalui [http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/1-12-2012\(B\).pdf](http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/1-12-2012(B).pdf).

kesalahan berdasarkan punca kuasa dalam Senarai Negeri, iaitu kesalahan yang berkaitan dengan perintah agama Islam. Pendekatan yang diambil oleh mahkamah dalam kes ini adalah dengan cara mengharmonikan pemakaian semua peruntukan perlembagaan.

Dalam konteks *maqasid al-syariah*, ciri perlembagaan dapat menjamin kebebasan atau hak penting kerana prinsipnya yang menjamin kebebasan dan telah meletakkan parameter tertentu yang perlu dipatuhi. Selain itu, pendekatan atau kaedah tafsiran yang dibuat oleh mahkamah tentang hak asasi juga begitu penting kerana terdapat beberapa hak asasi yang tidak secara harfiah menyebut prinsip *maqasid al-syariah*, seperti menjaga keturunan.

Perlembagaan Menjamin Agama Islam

Ciri agama dalam perlembagaan dapat dilihat dengan jelas dalam peruntukan perkara 3.²⁹ Perkara 3(1) memperuntukkan bahawa “Islam ialah agama bagi persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan”. Islam sebagai agama bagi persekutuan dikatakan sebagai elemen tradisi³⁰, ciri asas³¹, struktur asas³² dan karakter unik³³ perlembagaan. Pernah dicadangkan bahawa antara kesan perkara 3(1), termasuklah Islam menjadi ideologi negara.³⁴

Maksud dan niat pengiktirafan Islam sebagai agama bagi persekutuan tidak dijelaskan dengan sempurna oleh Suruhanjaya Reid, kecuali kenyataan dalam laporannya bahawa, “*it shall not impose any disability on non-Muslim nationals professing and practising their own religions and shall not imply that the State is not a secular State*”.³⁵ Sementara itu, dalam pendapat berasingan, Hakim Abdul Hamid sebagai salah seorang ahli

29 Untuk bacaan lanjut lihat Shamrahayu A. Aziz, “Islam is the Religion of the Federation – its Meaning and Implication” dlm. 14 *IJUMIJ* 33, 2005; Shamrahayu A. Aziz, “Some Thoughts on the Relationship between Law and Religion in Malaysia” dlm. 1 *CLJ* xix, 2009; Abdul Aziz Bari, 2010. *Islam dalam Perlembagaan*. Kuala Lumpur: Intel Multimedia.

30 Mohamed Salleh Abas, 1984. *Selected Articles and Speeches on Constitution, Law and Judiciary*. Selangor: Malaysian Law Publishers Sdn. Bhd., hlm. 42.

31 Mohamed Suffian, 1989. *An Introduction to the Legal System of Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 10.

32 Hujah “struktur asas” (*basic structure*) telah dicadangkan oleh pegaum terpelajar dalam kes *Phang Chin Hock lwn Public Prosecutor* [1979] 1 *LNS* 67; [1980] 1 *MLJ* 70. Walaupun hujah ini tidak diterima secara khusus oleh mahkamah persekutuan, tetapi mahkamah tidak pula menolaknya.

33 Abdul Aziz Bari, 2003. *Malaysian Constitution a Critical Introduction*. Kuala Lumpur: The Other Press, hlm. 46.

34 Abdul Aziz Bari, 2003. *Malaysian Constitution a Critical Introduction*. Kuala Lumpur: The Other Press, hlm. 46; Abdul Aziz Bari, 2010. *Islam dalam Perlembagaan*. Kuala Lumpur: Intel Multimedia.

Suruhanjaya Perlembagaan menyatakan bahawa peruntukan tentang Islam dalam perlembagaan merupakan hasil persetujuan semua pihak dan tidak menafikan hak kebebasan beragama bagi mereka yang tidak menganut agama Islam. Walau bagaimanapun, peruntukan 3(1) menunjukkan bahawa kedudukan Islam jelas dan Islam telah diberikan pengiktirafan khusus dalam undang-undang tertinggi. Banyak keputusan mahkamah yang telah memperakui kedudukan Islam dalam perlembagaan.³⁶ Perkara 3(1) ini mengandungi dua aspek, iaitu (i) Islam ialah agama bagi persekutuan dan (ii) amalan agama lain dibenarkan dalam keadaan aman dan damai.

Di samping perkara 3(1), perlembagaan juga mempunyai beberapa peruntukan lain yang memberikan kedudukan istimewa dan selesa kepada Islam. Peruntukan tersebut termasuklah pengiktirafan perlembagaan terhadap undang-undang yang mengawal dan menyekat pengembangan agama atau doktrin dalam kalangan umat Islam.³⁷ Perlembagaan juga menyebut dengan jelas bahawa kerajaan boleh menubuhkan, menyenggarakan institusi agama Islam dan juga menyalurkan bantuan kewangan untuk tujuan pendidikan agama Islam seperti yang jelas diperuntukkan “adalah sah bagi persekutuan atau sesuatu negeri menubuhkan atau menyenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyenggarakan institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang perlu bagi maksud itu”.³⁸

Selain itu, kandungan perlembagaan yang berkaitan dengan sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua utama negara mengukuhkan lagi kedudukan Islam. Sumpah jawatan tersebut seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keempat meletakkan tanggungjawab sentiasa memelihara kedudukan Islam kepada Yang di-Pertuan Agong. Secara harfiahnya, lafaz sumpah tersebut berbunyi, “...Dan lagi Kami berikrar mengaku dengan

35 Lihat para 169, Laporan Suruhanjaya Perlembagaan, 1956 – 1957; boleh juga didapati dalam Kevin Y. L. Tan dan Thio Li-ann, 1997. *Constitutional Law in Malaysia and Singapore*. Edisi Kedua. Singapura: Butterworths Asia, hlm. 930–85 (Lampiran A).

36 *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor* [2004] 6 CLJ 242 - Islam mempunyai tempat yang dominan (*Islam is at a dominant status*); *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor* [2005] 4 CLJ 666; *Meor Atiqulrahman bin Ishak & Yang Lain lwn Fatimah bte Sihi & Yang Lain* [2000] 1 CLJ 393; [2000] 5 MLJ 375; *Fatimah bte Sihi & Ors lwn Meor Atiqulrahman bin Ishak & Ors* [2005] 2 CLJ 255; [2005] 3 AMR 11; *ZI Publications Sdn. Bhd. (Company No. 398106-W) & Mohd. Ezra bin Mohd. Zaid lwn Kerajaan Negeri Selangor (Kerajaan Malaysia & Majlis Agama Islam Selangor sebagai Pencelah-Pencelah)* melalui [http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/1-12-2012\(B\).pdf](http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/1-12-2012(B).pdf).

37 Perlembagaan Persekutuan, perkara 11(4) dan butiran 1 dalam senarai negeri, jadual kesembilan.

38 Perlembagaan Persekutuan, perkara 12(2).

sesungguhnya dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa agama Islam...”.

Jelasnya, perkara 150(6A) telah menjaga kedudukan undang-undang Islam meskipun dalam keadaan darurat kerana parlimen atau Yang di-Pertuan Agong boleh membuat undang-undang berkaitan dengan apa-apa sahaja yang bertentangan dengan perlembagaan tetapi kedua-dua institusi tersebut tidak boleh berbuat sesuatu yang memberikan kesan negatif terhadap undang-undang Islam.³⁹

Oleh itu, sekiranya membincangkan kedudukan Islam dalam perlembagaan, kesemua peruntukan lain yang berkaitan dengan Islam yang mempunyai implikasi secara langsung atau tidak langsung kepada amalan dan pentabiran negara hendaklah dibaca secara beriringan dan tidak hanya mengehadkannya kepada perkara 3 (1) sahaja. Kaedah membaca perlembagaan akan memberikan pemahaman yang menyeluruh tentang perlembagaan. Pemahaman yang menyeluruh akan dapat memberikan penghayatan yang sebenar terhadap isi kandungan perlembagaan, khususnya kedudukan Islam dalam perlembagaan. Walaupun perkara 3(4) menyatakan bahawa “Tiada apa-apa jua dalam ini mengurangkan mana-mana peruntukan lain dalam perlembagaan ini” tidak menyekat pentafsiran yang berkaitan dengan kedudukan Islam yang diperjelas oleh peruntukan lain dalam perlembagaan tanpa menyandarkannya pada perkara 3(1) semata-mata. Hal ini dikatakan demikian kerana perlembagaan merupakan tulang belakang falsafah negara, sumber utama pentadbiran dan asas perundangan negara. Oleh itu, perlembagaan perlu difahami, dibaca dan ditafsirkan dengan tepat. Perlembagaan tidak boleh dibaca secara *cherry pick*, iaitu memilih peruntukan yang menyokong hujah penggunaannya sahaja tetapi mengabaikan peruntukan lain yang tidak menepati kehendak.

Pembacaan dan pentafsiran perlembagaan memerlukan prinsip konstruksi harmoni yang saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Prinsip ini

39 Perkara 150(5) tertakluk pada fasal (6A), semasa proklamasi darurat berkuat kuasa, parlimen boleh walau apa-apa juga dalam perlembagaan ini membuat undang-undang tentang apa-apa perkara, jika didapati oleh parlimen bahawa undang-undang itu dikehendaki oleh sebab darurat itu; dan perkara 79 tidaklah terpakai bagi suatu rang undang-undang untuk sesuatu undang-undang yang sedemikian atau bagi sesuatu pindaan kepada sesuatu rang undang-undang yang sedemikian, dan juga tidaklah terpakai mana-mana peruntukan perlembagaan atau peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang menghendaki apa-apa keizinan atau persetujuan bagi meluluskan sesuatu undang-undang atau apa-apa rundingan mengenainya atau yang menyekat permulaan kuat kuasa sesuatu undang-undang selepas undang-undang itu diluluskan atau yang menyekat rang undang-undang daripada dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenalkan olehnya.

bertujuan memastikan kesemua peruntukan perlembagaan diberikan hak yang sama rata mengikut keperluan dan diselaraskan sekiranya terdapat peruntukan berbeza atau bercanggah antara satu dengan yang lain. Dengan cara ini, setiap peruntukan diakui peranannya bukan sekadar yang jelas pada zahirnya (*lafziyyah*) tetapi juga roh dan semangatnya yang tidak tertera dalam bentuk tulisan tanpa meremehkan peruntukan lain. Pentafsiran yang menggunakan pendekatan ini juga akan menjadikan perlembagaan relevan dan mudah untuk diterima pakai dalam apa-apa juga keadaan dan masa. Apabila dikaitkan dengan *maqasid al-syariah*, amat jelas sekali bahawa perlembagaan menjaga kedudukan agama dan kebebasan beragama.

Perlembagaan dan Keadilan Sosial

Keadilan sosial amat penting untuk mengekalkan kestabilan kaum dalam sebuah negara seperti Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama, budaya dan bangsa. Ketidakeimbangan sosial akan menyebabkan jurang yang tinggi dalam pelbagai aspek. Pendidikan dan ekonomi ialah dua faktor utama yang amat perlu diberikan perhatian untuk menyeimbangi hubungan antara kaum. Oleh itu, dalam proses menggubal perlembagaan, perkara yang berkaitan dengan keadilan sosial perlu diberikan perhatian khusus dan melalui “ranjau berduri” kerana dibincangkan secara tuntas dan mendalam. Di samping itu, keadilan sosial di Malaysia akan dilihat berdasarkan faktor sejarah dan sosiologi kerana bangsa Melayu yang dipimpin oleh raja-raja Melayu mendahului kaum lain dari segi penempatan dan kuasa politik. Oleh itu, Malaysia ialah sebuah “negara tamu” yang mengekalkan elemen tradisi atau warisan Melayu dan keistimewaan Melayu, di samping menerima budaya lain.

Dengan berlatarbelakangkan faktor sejarah, sosiologi dan rundingan dalam proses kemerdekaan, penyediaan kuota kepada orang Melayu (Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan kemerdekaan Tanah Melayu 1957) dan kepentingan sah kaum lain telah termaktub dalam

Samb.

(6) Tertakluk pada fasal (6A), tiada peruntukan mana-mana ordinan yang dimasyhurkan di bawah perkara ini, dan tiada peruntukan mana-mana Akta Parlimen yang diluluskan semasa proklamasi darurat berkuat kuasa dan yang mengisytiharkan bahawa didapati oleh parlimen undang-undang itu dikehendaki oleh sebab darurat, boleh menjadi tidak sah atas alasan ketidakselarasan dengan mana-mana peruntukan perlembagaan.

(6A) Fasal (5) tidak boleh memperluas kuasa parlimen mengenai apa-apa perkara hukum syarak atau adat Melayu atau tentang apa-apa perkara undang-undang atau adat anak negeri di negeri Sabah atau Sarawak; dan juga fasal (6) tidak boleh menjadikan sah mana-mana peruntukan yang tidak selaras dengan peruntukan perlembagaan yang berhubung dengan apa-apa perkara sedemikian atau berhubung dengan agama, kewarganegaraan atau bahasa.

perlembagaan. Sementara itu, kuota untuk anak negeri Sabah dan Sarawak telah dimasukkan dalam perlembagaan selaras dengan pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Keistimewaan orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak, serta kepentingan sah kaum lain merupakan ciri penting untuk menjaga keadilan sosial.

Menurut perkara 153, Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab untuk melindungi keistimewaan dan kedudukan orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak, serta kepentingan sah kaum lain. Keistimewaan yang diberikan kepada orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak ialah kuota jawatan dalam perkhidmatan awam, biasiswa, pendidikan, serta lesen perniagaan dan perdagangan. Perlembagaan juga memastikan bahawa perkara 153 dilaksanakan dengan teliti supaya tidak mengabaikan kaum lain kerana peruntukan ini juga melindungi kepentingan sah mereka. Berkaitan dengan perkara 159(5), perkara 153 hanya boleh dipinda apabila mendapat sokongan majoriti dua pertiga pada bacaan kedua dan ketiga dalam kedua-dua dewan parlimen, serta mendapat perkenan Majlis Raja-Raja.

Dalam Laporan Suruhanjaya Reid, keistimewaan orang Melayu dibincangkan di bawah tajuk Kebebasan Asasi dan dianggap sebagai satu pengecualian kepada hak sama rata. Disebabkan keistimewaan orang Melayu merupakan salah satu terma rujukan untuk melantik ahli Suruhanjaya Reid, maka ahli suruhanjaya mencadangkan supaya peruntukan dibuat dalam perlembagaan bagi menepati terma tersebut. Dalam meletakkan peruntukan berkaitan dengan keistimewaan orang Melayu, Suruhanjaya Reid juga menyatakan bahawa menurut perjanjian terdahulu, keistimewaan orang Melayu sentiasa mendapat tempat, maka suruhanjaya juga perlu melakukan perkara serupa.⁴⁰ Keadilan sosial sudah tentunya merupakan antara ciri *maqasid al-syariah* yang umum kerana apabila wujudnya keadilan, maka keadaan sosial akan terjamin.

Peruntukan Khas Perlembagaan yang Berkaitan dengan Subversif dan Darurat

Bahagian XI perlembagaan memperuntukkan Kuasa Khas Menentang Perbuatan Subversif, Keganasan Terancang, dan Perbuatan dan Jenayah yang

40 Lihat Perenggan 163-164, *Laporan Suruhanjaya Reid 1956-1957*.

Memudaratkan Orang Awam, dan Kuasa Darurat yang merupakan kuasa khas penting untuk mengekalkan keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Perkara 149, iaitu peruntukan pertama dalam Bahagian XI ini pula menjadi punca kuasa kepada parlimen untuk menggubal undang-undang pencegahan. Undang-undang tersebut boleh menyekat (1) keganasan terancang terhadap orang atau harta, atau untuk menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan keganasan itu; (2) tindakan yang boleh membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana kerajaan di dalam persekutuan; (3) sesuatu yang menggalakkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum yang berlainan atau golongan penduduk berlainan yang mungkin menyebabkan keganasan; atau (4) sesuatu untuk mendapatkan perubahan, selain dengan cara yang sah, apa-apa juga yang ditetapkan melalui undang-undang; atau (5) perkara yang memudaratkan penyenggaraan atau perjalanan apa-apa bekalan atau perkhidmatan kepada orang awam atau mana-mana golongan orang awam di dalam persekutuan atau mana-mana bahagiannya; atau (6) perkara yang memudaratkan ketenteraman awam di dalam persekutuan atau mana-mana bahagiannya, atau yang memudaratkan keselamatannya. Bahkan, perkara 149 ini membenarkan parlimen membuat undang-undang yang boleh menafikan beberapa kebebasan asasi, termasuklah kebebasan diri, kebebasan bergerak, kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan, serta hak memiliki harta. Sementara itu, perkara 151 membenarkan penahanan pencegahan tetapi pada masa yang sama memperuntukkan kawalan terhadap penahanan dengan cara memberikan ruang kepada orang yang ditahan peluang untuk mempertahankan diri di hadapan Lembaga Penasihat.

Dari segi *maqasid al-syariah*, prosedur ini menjadikan hak kebebasan individu terjamin, serta keselamatan dan kesejahteraan negara dilindungi tetapi amat bergantung pada keberkesanan dan kejujuran pelaksanaannya.

Perlembagaan Menjamin Kewarganegaraan

Kewarganegaraan ialah hak yang paling penting untuk hidup bernegara. Kewarganegaraanlah yang menentukan sama ada seseorang itu mendapat kebebasan atau keistimewaan tertentu. Dalam konteks kebebasan asasi, terdapat beberapa hak yang hanya dijamin kepada warganegara sahaja, umpamanya kebebasan bergerak, kebebasan bersuara, kebebasan berhimpun dan kebebasan berpersatuan. Kewarganegaraan juga amat penting dalam pelbagai aspek lain seperti hak untuk mengundi⁴¹ dan kelayakan menjadi ahli Parlimen.⁴²

Sejarah yang berkaitan dengan kewarganegaraan di Malaysia agak

panjang. Namun, perlembagaan menjamin hak kewarganegaraan untuk membolehkan individu dijamin haknya dalam perlembagaan. Dengan jaminan kewarganegaraan tersebut, setiap individu dijamin potensinya menurut *maqasid al-syariah*.

Perlembagaan memberikan kerakyatan yang sama untuk seluruh persekutuan dan memperuntukkan beberapa kaedah untuk memperoleh kewarganegaraan. Pertama, melalui operasi undang-undang,⁴³ iaitu seseorang itu boleh mendapatkan kewarganegaraan secara automatik. Sebagai contoh, orang yang lahir pada atau selepas Hari Malaysia. Kedua, seseorang boleh menjadi warganegara melalui pendaftaran seperti yang termaktub dalam perkara 15, 16, 16A, dan 18. Perkara 15 memperuntukkan pendaftaran isteri dan anak warganegara, perkara 16 adalah berkenaan dengan pendaftaran orang yang dilahirkan di persekutuan sebelum Hari Kemerdekaan, dan perkara 16A memperuntukkan pendaftaran orang yang bermastautin di negeri Sabah dan Sarawak pada Hari Malaysia. Ketiga, seseorang boleh menjadi warganegara melalui proses penaturalisasian. Apabila seseorang yang bukan warganegara telah berusia lebih daripada 21 tahun akan diberikan suatu perakuan atau sijil naturalisasi. Sijil ini hanya akan diberikan jika kerajaan berpuas hati bahawa seseorang itu telah bermastautin di persekutuan selama tempoh yang dikehendaki dan berniat, jika diberi perakuan itu untuk berbuat demikian secara tetap bahawa dia berkelakuan baik, serta mempunyai pengetahuan yang memadai dalam bahasa Melayu dan mengangkat sumpah yang dinyatakan di bawah Jadual Pertama perlembagaan. Selain itu, seseorang itu juga boleh mendapatkan kewarganegaraan melalui penggabungan wilayah.

Sementara itu, kekurangan atau penamatan kewarganegaraan boleh berlaku melalui penolakan, melalui tindakan sengaja dan sedar.⁴⁴ Perkara 24 juga membolehkan kerajaan melucutkan kewarganegaraan seseorang, jika dia dengan sukarela memperoleh kewarganegaraan negara lain. Malaysia tidak membenarkan seseorang memiliki dua kewarganegaraan. Kerajaan juga mempunyai hak untuk melucutkan kewarganegaraan seseorang jika dia telah secara sukarela menjalankan mana-mana hak, seperti mengundi pilihan raya di mana-mana tempat di luar persekutuan.⁴⁵

Pelucutan kewarganegaraan yang diperoleh melalui pendaftaran di bawah perkara 16A atau penaturalisasian (di bawah perkara 17) boleh dilakukan oleh

41 Perlembagaan Persekutuan, perkara 119

42 Perlembagaan Persekutuan, perkara 47.

43 Perlembagaan Persekutuan, perkara 14.

44 Perlembagaan Persekutuan, perkara 23.

kerajaan jika “orang itu telah menunjukkan bahawa dia tidak setia kepada persekutuan, atau membantu musuh semasa perang atau dalam tempoh lima tahun mulai dari tarikh pendaftaran atau pemberian perakuan itu, dijatuhi hukuman di mana-mana negara dengan dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada 12 bulan atau denda tidak kurang daripada RM5000 atau yang setara dengannya dalam mata wang negara itu, dan tidak mendapat pengampunan bebas berkenaan dengan kesalahan yang kerananya dia telah dihukum sedemikian”.⁴⁶ Kerajaan juga mempunyai hak untuk melucutkan kewarganegaraan seseorang yang diperoleh melalui pendaftaran atau penaturalisasian, jika berpuas hati bahawa kewarganegaraan telah didapati dengan cara penipuan (*fraud*), pernyataan palsu atau penyembunyian apa-apa fakta material atau jika telah dibuat atau diberikan dengan tidak sengaja.⁴⁷

Maqasid al-Syariah

Maqasid al-syariah merupakan satu subjek yang telah lama berkembang dan dibincangkan dalam undang-undang Malaysia. Kemunculan konsep *maqasid al-syariah* sebagai salah satu bahagian daripada ilmu syariah, terutamanya *usul al-fiqh* dimulakan oleh al-Juwayni dalam kitabnya, *al-Burhan* dan al-Ghazali dalam kitabnya, *al-Mustasfa*.⁴⁸ Kemudiannya, perbahasan *maqasid al-syariah* telah dikembangkan oleh al-Syatibi dalam kitabnya, *al-Muwafaqat* dan pada abad ke-20 muncul Ibn Asyur dengan wacana dalam kitabnya, *Maqasid al-Syari‘at al-Islamiyyah*.⁴⁹

Maqasid al-syariah sama istilahnya dengan *maqasid syari* atau *maqasid al-syar‘iyyah*. Ketiga-tiga istilah ini digunakan dengan makna dan maksud yang serupa. *Maqasid al-syariah* ini terbina atas dua perkataan, iaitu *maqasid* dan *syariah*. *Maqasid* secara literalnya bermaksud objektif dan juga diertikan sebagai sasaran, keadilan dan kesederhanaan yang disandarkan kepada kata asalnya daripada bahasa arab, *qasd*.⁵⁰ Perkataan *syariah* daripada kata asalnya, iaitu *syara’* secara literalnya bermaksud, “punca air yang berterusan mengalir”, manakala dari segi istilahnya *syariah* bermaksud

45 Perlembagaan Persekutuan, perkara 24.

46 Perlembagaan Persekutuan, perkara 25.

47 Perlembagaan Persekutuan, perkara 26.

48 Perlembagaan Persekutuan, perkara 23.

49 Perlembagaan Persekutuan, perkara 26.

48 Ahmad al-Raysuni, 1995. *Nazariyyat al-Maqasid ‘ind al-Imam al-Syatibi*, t.th. Ma’had ‘Ali li al-Fikr al-Islami, hlm. 39.

49 Muhammad al-Tahir ibn ‘Asyur, 1366H. *Maqasid al-Syari‘at al-Islamiyya*. Tunisia: Maktabah al-Istiqamah, hlm. 3.

“keseluruhan atau segala apa-apa yang diturunkan Allah kepada seluruh umat manusia melalui rasul-Nya mencakupi aspek akidah, muamalat dan akhlak”.⁵¹ Dalam pendekatan *maqasid al-syariah*, syariah difahami sebagai “satu set peraturan dan juga sistem nilai yang mengandungi kaedah tertentu bagi mencerminkan syariat dan nilai di dalamnya”.

Gabungan kedua-dua perkataan tersebut menjadikan *maqasid al-syariah* diterjemahkan secara ringkasnya kepada “objektif syariah”. *Maqasid al-syariah* merangkumi tujuan yang dikehendaki oleh Allah SWT dalam setiap pensyariatan hukum atau sebahagian besar daripadanya bagi memelihara kemaslahatan manusia dengan menyediakan ruang yang bermanfaat kepada mereka dan menghilangkan kemudaratan. Sehubungan dengan itu, ulama *usul al-fiqh* telah mentakrifkan *maqasid al-syariah* sebagai matlamat yang digariskan oleh syariah untuk merealisasikan kemaslahatan manusia.⁵² Wahbah al-Zuhaili mentakrifkan *maqasid al-syariah* sebagai tujuan yang dititikberatkan dalam semua hukum atau sebahagian besarnya atau termasuk juga rahsia yang ada di sebalik pensyariatan setiap hukum.⁵³

Maqasid al-syariah merupakan matlamat yang ditentukan oleh syariah supaya dapat dicapai bagi kepentingan manusia di dunia dan akhirat, serta melakukan kebaikan (*jalb al-maslahah*) dan menghapuskan keburukan (*daf' al-mafsadah*). Kecelaruhan antara kebaikan dengan keburukan membuatkan manusia memerlukan prinsip tegas dalam syariah untuk menyusun hala tuju, iaitu memandu manusia dalam kehidupan. Misalnya *Surah al-Baqarah* 2:219, al-Quran menyatakan yang bermaksud:

“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: “pada kedua-duanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa kedua-duanya lebih besar daripada manfaatnya.”⁵⁴

Selain itu, *maqasid al-syariah* juga bertujuan menjaga maslahat syarak. Menurut al-Syatibi, masalah ialah apa-apa yang mendukung hidup dan kehidupan manusia, serta pencapaian dalam apa-apa juga aspek, termasuk naluri dan intelektual sehingga menjadikan mereka betul-betul menikmatinya. *Maqasid al-syariah* merangkumi dua aspek, iaitu aspek material (*hissi*)

50 Muhammad ibn Manzur, t.th. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir. Jilid Tiga, hlm. 353.

51 Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 1992. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, hlm. 2.

52 Ahmad al-Raysuni, 1995. *Nazariyyat al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Syatibi*. Riyadh: Dar al-Alamiah li al-Kitab al-Islami, hlm. 19.

53 Wahbah al-Zuhaili, 1996. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Jilid 2. Damsyik: Dar al-Fikr, hlm. 1017.

54 *Surah al-Baqarah* 2:219.

dan aspek moral (*maknawi*).

Menurut pendapat Ibn Asyur, *maqasid al-syariah* boleh dilihat dalam dua aspek, iaitu *maqasid ammah* dan *maqasid khassah*.⁵⁵ *Maqasid ammah* bermaksud objektif umum, iaitu merangkumi tujuan keseluruhan atau sebahagian besar hukum syariah. Contohnya, mencari kebaikan, menolak keburukan, mengawal ketertiban umum, menghapuskan diskriminasi, menjadikan syariah sebagai yang hebat, menjadikan umat Islam yang kuat dan dihormati, serta memakmurkan dunia. Sementara itu, dalam konteks *maqasid khassah*, *khassah* bermaksud khusus. Oleh itu, *maqasid khassah* merupakan perkara yang berkaitan dengan perlakuan manusia yang khusus, misalnya menjamin hutang sebagai gadaian.

Maqasid al-syariah juga hendaklah berbentuk masalahat. Masalahat diertikan sebagai sesuatu yang berfaedah atau sesuatu yang mendatangkan faedah. Bagi Ibn Asyur, masalahat boleh dilihat dalam tiga dimensi. Pada dimensi pertama, masalahat mempunyai pengaruh terhadap urusan ummah yang terbahagi kepada tiga hierarki, iaitu *dhoruriyyat*, *hajiiyyat* dan *tahsiniyyat*. *Dhoruriyyat* merujuk kepentingan yang mesti ada pada manusia atau keperluan asasi manusia. Sekiranya keperluan asasi ini tiada, umpama manusia itu hidup tidak seperti manusia atau tidak berkualiti sebagai manusia. Keperluan asasi tersebut adalah seperti menjaga agama, nyawa, akal, keturunan (kemuliaan atau kehormatan) dan harta. Hierarki kedua, ialah *hajiiyyat* yang bermaksud “keperluan untuk keselesaan dan mengelak daripada kesukaran atau kesempitan hidup”. Hierarki yang ketiga ialah *tahsiniyyat* pula bermaksud *kamalat*, iaitu masalahat yang membawa kepada kesempurnaan hidup.

Maslahat dalam dimensi kedua, iaitu dalam dimensi antara hubungannya dengan kepentingan umat, dilihat secara kolektif atau secara personal. Dalam dimensi ini, masalahat terbahagi kepada dua. Pertama, masalahat dalam bidang yang terkesan terhadap keseluruhan atau sebahagian besar umat (*kulliiyyat*), dan kedua, masalahat dalam bidang tertentu (*juz’iyyah*).

Maslahat dalam dimensi ketiga pula melibatkan cara atau kaedah masalahat tersebut dihasilkan. Pertama, secara *qat’iyyah*, iaitu masalahat yang diperoleh daripada dalil atau nas yang jelas dan tidak boleh dipersoalkan. Kedua, masalahat yang diperoleh melalui penilaian akal yang bersandarkan dalil atau nas yang terbuka kepada pentafsiran yang dikenali sebagai

55 Muhammad al-Tahir Ibn ‘Asyur, 1998. *Maqasid al-Syari’ah al-Islamiyah*. t.t.: Al-Basyair li al-Intaj al-‘Ilmi, hlm. 171.

zanniyyah. Akhir sekali, maslahat yang terhasil daripada *wahmiyyah*, iaitu maslahat yang diperoleh daripada perhitungan akal, yang padanya kelihatan seperti bermanfaat kepada umat tetapi akhirnya memberikan kemudaratan. *Maslahat wahmiyyah* ini pada pandangan Ibn Asyur tidak boleh diterima sebagai *maqasid al-syariah*.⁵⁶

Maqasid al-syariah tidak boleh terpisah daripada syariah. *Maqasid* bukan berlandaskan akal tetapi hendaklah mengikut syarak kerana syarak itu menyelamatkan maslahat. *Maqasid al-syariah* juga hendaklah menjaga tujuan ciptaan manusia di dunia, iaitu adalah untuk beribadat kepada Allah (*Surah al-Zariyat* 51:56–57).

Antara parameter (*dhowabit*) bagi menentukan sesuatu perkara itu merupakan suatu maslahat dan seterusnya menjadi *maqasid al-syariah* adalah dengan cara memahami sistem syariah yang syumul dan sempurna (*istiqra' kulliyat*) secara keseluruhannya dan bukan hanya berdasarkan satu dalil atau melihat dalil *juz' i* atau sebahagian daripada dalil atau nas sahaja. *Maqasid* juga tidak boleh ditentukan dengan hanya melihat peruntukan yang jelas dan nyata secara harfiah (*black letter*) sahaja tetapi memahami prinsip dan nilai yang tersirat yang dibawa oleh syariah. Untuk maksud itu, al-Syatibi menggunakan istilah *al-istiqra' al-maknawi*, manakala al-Ghazali menggunakan istilah *tawatur al-maknawi*. Al-Juwayni pula menggunakan istilah *kulliyat al-shar'* dan *maslaahat 'ammah*.

Secara umumnya, *maqasid al-syariah* bukannya *maqasid* untuk kedudukan Islam, syariah, syariat atau syiar Islam semata-mata. *Maqasid al-syariah* mempunyai nilai universal, diterima dan disepakati oleh seluruh umat manusia tanpa mengira bangsa dan keturunan yang merentas sempadan geografi, budaya, agama dan sistem sosial dalam kehidupan manusia.

Al-Ghazali dalam kitabnya *al-Mustasfa*⁵⁷ menyebut maslahat dalam konsep yang asal bermaksud “memperoleh faedah atau kebaikan (manfaat) atau terlepas daripada kemudaratan.” Menurut al-Ghazali lagi, *maqasid* juga sebagai tujuan syarak dalam pensyariaan adalah untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kelima-lima maslahat itu terletak pada tahap asasi (*dhoruri*), iaitu yang paling kuat dalam maslahat. Contohnya syariah memperkenalkan hukuman bunuh kepada mereka yang merosakkan agama, mensyariatkan undang-undang *qisas* sebagai menjaga nyawa, mewajibkan hukuman hudud kepada orang yang meminum arak

56 Muhammad al-Tahir Ibn 'Asyur, 1998. *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah*. t.t.: Al-Basyair li al-Intaj al-'Ilmi, hlm. 80–91.

57 Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad al-Ghazali, t.th. *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi, hlm. 217.

kerana menjaga akal kerana akal itu ialah sendi pentaklifan, iaitu akal yang menentukan kewajipan atau tanggungan seseorang. Islam juga mewajibkan hukuman terhadap kesalahan zina bagi menjaga keturunan dan wajib menghukum pencuri kerana menjaga harta.

Pertama, menjaga agama boleh dilaksanakan dengan cara beramal dengannya, melaksanakannya dalam pemerintahan, berdakwah, berjihad pada jalannya, serta menjaga kedudukan dan syiarnya. Menjaga nyawa pula boleh dilaksanakan dengan cara mengharamkan pencerobohan terhadapnya, mengambil langkah pencegahan daripada pencerobohan terhadapnya, melaksanakan hukuman *qisas* dan *diyat*, melaksanakan pentadbiran keadilan dan perbicaraan yang adil sebelum menjatuhkan hukuman, memberikan dan menerima kemaafan, serta menghalalkan yang haram dalam keadaan yang sangat terpaksa (sebagai contoh, membunuh seseorang kerana kesalahan yang besar). Dalam konteks menjaga akal, akal hendaklah jadi alat penting untuk mengenal Allah dan agama, asas kepada pentaklifan (kebertanggungjawaban) dan mengharamkan perkara yang boleh mengganggunya seperti mabuk. Keturunan pula boleh dijaga dengan cara mengekalkan dan menggalakkan perkahwinan, serta melahirkan zuriat, mengelakkan diri daripada membataskan kelahiran dan melarang pengguguran. Dan, kelima, harta hendaklah dijaga dengan menggalakkan pencarian harta, menjamin pemilikan, mengharamkan pencerobohan, mengharamkan pembaziran, mewajibkan kesaksian dan rekod tentang hutang, serta melaksanakan hukuman terhadap penceroboh.

***Maqasid al-Syariah* dalam Perlembagaan**

Seperti yang disebut pada awal makalah ini, perlembagaan ialah dokumen yang mempunyai kedudukan atau tanggungjawab yang tinggi terhadap pembinaan negara. Pentadbiran negara, dari aspek perundangan dan dasar, serta ketatanegaraan terkandung dalam perlembagaan. Perbincangan di bawah subtajuk ini akan meneliti peruntukan dalam perlembagaan yang bertepatan dengan *maqasid al-syariah* bagi kategori *dhoruriyyat*, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Dalam konteks penjagaan terhadap agama, perkara 3, 11(4), 12(2), dan 37 perlembagaan perlu dibaca bersama-sama Jadual Keempat, 150 dan 160(2). Menjaga nyawa dan kehidupan pula boleh ditafsirkan sebagai menjaga dan menjamin keturunan yang termaktub dalam perkara 5. Menjaga akal pula disebut secara umum dalam kebebasan bersuara yang dijamin dalam

perkara 10 dan seterusnya *maqasid* menjaga harta dapat dilihat dalam perkara 13. Kesimpulannya, peruntukan yang berkaitan dengan kebebasan asasi dalam bahagian II perlembagaan didapati selaras dengan prinsip *maqasid al-syariah*. Sekiranya bahagian II perlembagaan ditafsirkan berdasarkan prinsip Islam, maka *maqasid al-syariah* sebenarnya bukan sahaja wujud tetapi dijaga dan dijamin oleh undang-undang tertinggi negara.

Bagi tujuan menjaga agama Islam, perlembagaan⁵⁸ dengan jelas sekali mengisytiharkan Islam sebagai agama negara atau persekutuan dalam perkara 3(1). Sementara itu, kedudukan agama Islam di negeri-negeri juga begitu jelas dalam perlembagaan atau undang-undang tubuh negeri masing-masing,⁵⁹ kecuali perlembagaan negeri Sarawak.⁶⁰ Di samping perkara 3, terdapat banyak lagi peruntukan lain yang mendukung kedudukan Islam dalam perlembagaan. Perkara 11(4) memberikan kuasa kepada badan perundangan negeri untuk menyekat sebarang pengembangan doktrin atau agama, selain Islam dalam kalangan masyarakat Islam.⁶¹ Walaupun tujuan peruntukan ini tidak dijelaskan dalam perlembagaan, alasannya telah disuarakan oleh raja-raja Melayu melalui memorandum baginda kepada Suruhanjaya Reid. Raja-raja Melayu mahukan satu peruntukan khusus yang boleh melindungi orang Melayu di negara ini daripada ajaran komunis yang menafikan kewujudan tuhan kerana raja-raja Melayu bimbang akan pengembangan ideologi tersebut dalam kalangan orang Melayu. Walaupun peruntukan 11(4) asalnya bertujuan mereka menyekat pengembangan ideologi komunisme dalam kalangan orang Melayu, peruntukan tersebut boleh ditafsirkan sebagai melindungi orang Islam daripada apa-apa juga fahaman yang boleh membawa kekufuran tanpa mengira apa-apa juga ideologi atau doktrin. Sekiranya sesuatu doktrin itu bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar, maka doktrin tersebut tidak boleh disebarikan dalam kalangan orang Islam. Kedudukan orang Islam yang terjamin dalam perlembagaan bermakna mereka bebas daripada dakyah agama

58 Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan, perkara 3(1).

59 Perlembagaan Negeri Johor, perkara 57 (Bhgn. 1); Perlembagaan Negeri Kedah, perkara 33A; Perlembagaan Negeri Kelantan, perkara 5; Perlembagaan Negeri Melaka, perkara 167; Perlembagaan Negeri Sembilan, perkara 5; Perlembagaan Negeri Pahang, perkara 23 (Bhgn. 1); Perlembagaan Pulau Pinang, perkara 5; Perlembagaan Negeri Perak, perkara 5; Perlembagaan Negeri Perlis, perkara 5; Perlembagaan Negeri Sabah, perkara 5A; Perlembagaan Negeri Selangor, perkara 47 (Bhgn. Ke-2); Perlembagaan Negeri Terengganu,

60 Walau bagaimanapun, semasa penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 Sarawak menerima kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan.

61 Lihat Shamrahyu A. Aziz, "Propagation of Religious Doctrines to Muslims: A Legal Perspective" [2010] 2 *MLJ* cx.-cxxiv.

lain. Walau bagaimanapun, hingga hari ini secara praktikalnya peruntukan ini tidak dilaksanakan dengan baik. Meskipun peruntukan ini termaktub dalam enakmen negeri, namun penguatkuasaannya boleh dikatakan agak terbatas. Sehingga hari ini, masih belum ada kes yang dilaporkan tentang penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan sekatan dan kawalan pengembangan doktrin atau agama lain dalam kalangan orang Islam. Contohnya, peristiwa serbuan Jabatan Agama Islam Selangor terhadap sebuah premis di Damansara dan juga hal yang berkaitan dengan *Bible* yang menggunakan kalimah Allah.

Perkara 12 juga memberikan kelebihan kepada agama Islam kerana membenarkan kerajaan menyediakan peruntukan perbelanjaan bagi pendidikan Islam. Perlembagaan tidak menyebut bantuan kerajaan kepada institusi pendidikan agama lain. Dengan adanya peruntukan ini, sekurang-kurangnya keistimewaan dilihat memihak kepada Islam. Berdasarkan perlembagaan, seksyen 36 dan 37 Akta Pelajaran 1961 diwujudkan untuk mewajibkan mana-mana sekolah yang menerima bantuan kerajaan supaya memperuntukkan pengajaran agama Islam kepada penuntut yang beragama Islam dengan syarat jumlah pelajar di sekolah tersebut tidak kurang daripada 15 orang. Peruntukan tersebut dan pelaksanaannya tidak seharusnya dianggap bertentangan dengan perlembagaan atau berlakunya amalan diskriminasi terhadap agama lain hanya kerana kerajaan tidak wajib memberikan bantuan yang serupa untuk mengajar agama lain.

Sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong dalam Jadual Keempat perlembagaan yang dibaca bersama-sama dengan perkara 37 juga memberikan gambaran yang jelas tentang kedudukan Islam. Bukan sahaja lafaz sumpah tersebut menggunakan nama Allah, bahkan secara nyata sumpah jawatan tersebut menunjukkan tugas Yang di-Pertuan Agong untuk mempertahankan agama Islam.

Selain itu, perkara 150(6A) menyatakan kedudukan agama Islam dalam keadaan darurat. Parlimen tidak boleh melakukan apa-apa perkara tentang hukum syarak, hatta ketika darurat sekali pun. Walaupun pihak eksekutif boleh membuat apa-apa sahaja undang-undang yang difikirkan perlu bagi tujuan darurat, mereka tidak boleh membuat apa-apa undang-undang yang berkaitan dengan undang-undang Islam.

Perkara 121(1A) juga memberikan kedudukan yang tinggi kepada agama Islam dengan cara mengiktiraf kuasa mahkamah syariah. Penambahbaikan kedudukan mahkamah syariah diharap dapat dilihat menerusi pindaan perlembagaan. Kes *Faridah Dato' Talib*⁶² memberikan gambaran bahawa mahkamah syariah ialah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang

jelas tentang perkara yang berkaitan dengan Islam. Namun, selepas kes *Sukma Darmawan*,⁶³ kedudukan mahkamah syariah mula dipersoalkan kembali. Namun, perkembangan akhir-akhir ini agak menjejaskan kedudukan mahkamah syariah, terutamanya kes yang berkaitan dengan status agama. Dalam kes yang terakhir, iaitu kes *Mohamad Raihan atau Rayappan*, menjadikan isu ini kembali hangat. Kewibawaan mahkamah agak tercabar apabila para saksi enggan hadir ke mahkamah syariah walaupun sepina telah dikeluarkan. Bagi mengelakkan perkara tersebut berlaku lagi pada masa hadapan, mahkamah syariah memerlukan pembaharuan dalam konteks perundangan. Mahkamah syariah seharusnya diiktiraf sebagai mahkamah yang berwibawa dan bukannya hanya sebagai sebuah mahkamah subsidiari yang setaraf dengan mahkamah sivil. Mahkamah persekutuan dalam kes *Azlina Jailani*⁶⁴ menggunakan pendekatan menghormati mahkamah syariah atau institusi agama Islam apabila memutuskan seseorang yang mahu menukar status agama pada kad pengenalnya hendaklah mendapatkan pengesahan pertukaran agama daripada institusi agama berkaitan. Dalam proviso yang dinyatakan dalam perkara 5(4) juga dapat dilihat kedudukan mahkamah syariah bahawa mana-mana pesalah yang ditahan di bawah undang-undang syariah hendaklah dibawa ke mahkamah syariah. Sementara itu, perkara 38 berkenaan dengan kuasa Majlis Raja-Raja juga ada dinyatakan tentang amalan agama Islam yang boleh diselaraskan atau disebarkan ke seluruh negara.

Bagi tujuan menjaga nyawa, perlembagaan ada memperuntukkan dalam perkara 5 bahawa seseorang yang berada di Malaysia (tidak mengira kewarganegaraan) hendaklah dijaga nyawanya. Peruntukan perkara 5 ini merupakan peruntukan pertama dalam Bahagian Kedua perlembagaan, iaitu bahagian yang menjamin kebebasan asasi. Oleh sebab itu, hak nyawa dan kehidupan dimuatkan dalam perlembagaan. Namun, hak terhadap nyawa boleh dikecualikan atau tidak dijamin sekiranya terdapat peruntukan yang membolehkan seseorang itu dihukum mati menurut proses perundangan. Dengan perkataan lain, badan perundangan atau parlimen boleh membuat undang-undang untuk meletakkan hukuman mati terhadap seseorang bagi kesalahan tertentu. Walau bagaimanapun, proses perundangan atau pentadbiran keadilan hendaklah dilaksanakan dengan menghormati hak yang dituduh.

62 *Mohamad Habibullah bin Mahmood lwn Faridah binti Dato' Talib* [1993] 1CLJ 264.

63 *Sukma Darmawan Sasmitaat Madja lwn Ketua Pengarah Penjara Malaysia & Anor* [1998] 4 CLJ 538.

64 *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah & Anor* [2004] 2 MLJ 119 (MT).

Walaupun secara harfiahnya perkara asas dalam perkara 5 hanya menyebut tentang hak untuk hidup tetapi melalui tafsiran yang dibuat oleh mahkamah dalam beberapa kes telah menjamin hak untuk mendapatkan kehidupan yang baik, serta keperluan perlulah dipenuhi seperti air yang bersih dan udara yang sihat. Hak untuk hidup dan kehidupan yang baik dijamin oleh perkara 5. Maksudnya, seseorang itu bukan sahaja dijaga atau dijamin nyawanya tetapi kehidupannya juga dijaga. Misalnya, dalam perkembangan semasa, orang Asli berhak untuk mendapatkan kehidupan seperti kehidupan asal dan pembangunan sepatutnya tidak boleh dipaksa terhadap mereka. Dalam kes *Sagong Tasi*⁶⁵, hak orang Asli mengekalkan kehidupan mereka telah dimasyhurkan oleh mahkamah persekutuan. Bagi menjaga kualiti kehidupan mereka, perundangan yang berkaitan dengan alam sekitar diwujudkan bagi memulihara kebersihan alam sekitar seperti air, udara dan tanah yang menjadi asas untuk kehidupan yang baik.

Kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan adalah antara kebebasan yang dijamin oleh perlembagaan bagi menjaga akal dan membentuk daya intelektual individu dan masyarakat. Hal ini dapat dilihat dalam perkara 10 perlembagaan. Walau bagaimanapun, terdapat perundangan yang mengawal kebebasan bersuara, berpersatuan dan berhimpun. Parlimen boleh membuat kawalan perundangan untuk memastikan kepentingan umum (*masalah 'ammah*) dijaga dengan cara mengawal dan menyekat kebebasan tersebut. Undang-undang seperti Akta Hasutan, Akta Perhimpunan Aman, Akta Polis, Akta Antikeganasan, Akta Pencegahan Jenayah, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas), Kanun Keseksan dan banyak lagi akta atau undang-undang yang berkaitan diluluskan oleh parlimen untuk menjaga maslahat umum. Walau apa-apa pun peruntukan atau akta yang mengawal dan menyekat kebebasan, tujuan asal kebebasan asasi masih lagi seimbang.

Begitu juga dengan perkara 12 dalam perlembagaan yang memberikan hak pendidikan. Perkara 12 menjamin hak rakyat untuk mendapatkan pendidikan. Daripada perkara 12 perlembagaan inilah lahirnya polisi dan falsafah yang berkaitan dengan pendidikan negara. Kebebasan berkaitan pendidikan tidak dihadkan hanya kepada pendidikan biasa tetapi juga memberikan jaminan kepada pendidikan agama. Hak kepada pendidikan agama dikuatkuasakan menerusi Akta Pendidikan yang menceraikan lagi konsep dan falsafah pendidikan negara.

65 *Sagong Tasi lwn Kerajaan Negeri Selangor* [2002] 2 MLJ 591; *Adong bin Kuwau and Anors lwn Kerajaan Negeri Johor dan Lain-lain* [1997] 1 MLJ 418.

Bagi menjaga *maqasid al-syariah* yang berkaitan dengan keturunan, perlembagaan tidak mempunyai peruntukan khusus, walaupun perlembagaan menyebut pentingnya moral dalam perkara 10 dan 11. Walau bagaimanapun, perkara menjaga keturunan ada disebut dalam perundangan lain seperti dalam Akta Pembaharuan (Perkahwinan dan Perceraian) dan Enakmen Jenayah Syariah. Dalam Akta Pembaharuan (Perkahwinan dan Perceraian), hanya perkahwinan antara lelaki dan wanita sahaja yang dibenarkan. Enakmen Jenayah Syariah pula mengklasifikasikan pelacuran dan muncikari sebagai kesalahan jenayah. Kanun Keseksaan pula meletakkan perbuatan rogol, sumbang mahram dan kelucahan melampau sebagai kesalahan jenayah.

Perkara 13 perlembagaan pula menjamin kebebasan individu untuk memiliki harta. Seperti juga masalah khas lain dan untuk tujuan kepentingan umum, parlimen boleh menggubal undang-undang bagi membolehkan pengambilalihan harta oleh kerajaan. Namun, hak individu terhadap hartanya masih lagi dijaga dengan cara memastikan bayaran pampasan dibuat kepada pemiliknya. Dalam perundangan lain, Kanun Tanah Negara dan Akta Pengambilan Tanah merupakan dua akta yang secara langsung bersangkutan dengan hak terhadap harta.

Maqasid al-syariah juga terpakai untuk menjaga kesejahteraan masyarakat. Pendekatan yang diambil oleh Rasulullah SAW dalam *Sahifah Madinah* meraikan kepelbagaian dengan menanam paksi kesejahteraan yang mampu menjamin pelaksanaan *maqasid al-syariah* pada peringkat individu yang membentuk ummah, rakyat atau warganegara.

Keseimbangan dan keadilan sosial seperti menjaga perpaduan dan kerukunan hidup bernegara juga merupakan aspek penting masalah. Keselamatan dan kerukunan hidup bernegara dalam masyarakat yang pelbagai diraikan dan dijamin oleh perlembagaan. Sebagai contoh, perkara 153 menjamin hak dan keistimewaan bangsa Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak, serta memastikan kaum dan komuniti lain tidak diketepikan. Untuk mengikat seluruh masyarakat Malaysia yang mempunyai pelbagai budaya dan agama, maka diwujudkan peruntukan yang berkaitan dengan kebebasan beragama, iaitu perkara 3(1) dan 11. Selain itu, bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan, sebagai satu bahasa yang menyatukan warganegara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa.

Secara umumnya, perlembagaan juga mempunyai peruntukan khusus untuk menjaga kestabilan dan keselamatan negara. Perlembagaan menyediakan peruntukan yang berkaitan dengan pencegahan (*daf' mafsadah*) iaitu perkara 149 dan 150. Perkara 149 menyediakan peruntukan berkaitan dengan kawalan dan pencegahan perbuatan subversif, serta jenayah

terancang, manakala perkara 150 berkaitan dengan pengisytiharan darurat yang membolehkan kesejahteraan dan keselamatan negara dijaga dalam keadaan yang benar-benar terancam.

PENUTUP

Perlembagaan perlu menyediakan ruang untuk mencanai dan mencernakan *maqasid al-syariah* seperti yang terdapat dalam peruntukan berkaitan. Walaupun istilah *maqasid al-syariah* tidak wujud dalam perlembagaan tetapi cirinya jelas dan nyata dalam perlembagaan dan peruntukan yang berkaitan. Dengan mengambil kira kedudukan Islam dan jaminan yang jelas terhadap Perlembagaan Persekutuan dan perlembagaan negeri atau undang-undang tubuh negeri, hubung kait antara *maqasid al-syariah* dengan perlembagaan amat penting. Sekiranya Islam telah dijamin kedudukannya dalam perlembagaan, maka sudah tentu *maqasid* Islam juga penting untuk diperhalus kewujudan dan pelaksanaannya. Oleh itu, kajian dan kegiatan ilmiah tentang kewujudan, jaminan dan seterusnya mekanisme pelaksanaan *maqasid al-syariah* amat diperlukan. Makalah ini mendapati sememangnya *maqasid al-syariah* wujud dalam perlembagaan. Ternyata prinsip *maqasid al-syariah* yang syumul dan sejagat (universal) terkandung dalam peruntukan yang sedia ada dalam perlembagaan. Terdapat pelbagai prinsip *maqasid al-syariah* yang begitu jelas dan secara harfiah dalam perlembagaan. Di samping itu, terdapat juga prinsip *maqasid al-syariah* yang memerlukan pentafsiran dalam beberapa peruntukan bagi membuktikan kewujudannya kerana tidak dinyatakan secara harfiah.

Selain itu, wacana ini juga penting untuk membina asas yang jelas dan memberikan kefahaman terhadap prinsip faham perlembagaan (*constitutionalism*) yang sepatutnya bersandarkan ideologi tempatan, serta bersesuaian dengan keadaan setempat dan tidak lagi menganggap perlembagaan terikat sepenuhnya pada prinsip faham perlembagaan yang dibina oleh teori Barat, terutamanya sistem Westminster atau sistem British.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Bari, 2003. *Malaysian Constitution a Critical Introduction*. Kuala Lumpur: The Other Press, hlm. 46.
- Abdul Aziz Bari, 2010. *Islam dalam Perlembagaan*. Kuala Lumpur: Intel Multimedia.
- Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad al-Ghazali, t.th. *Al-Mustasfa min*

- 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi, hlm. 217.
- Adong bin Kuwau and Anors *lwn* Kerajaan Negeri Johor dan Lain-lain [1997] 1 *MLJ* 418.
- Ahmad al-Raysuni, 1995. *Nazariyyat al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Shatibi*. Riyadh: Dar al-Alamiah li al-Kitab al-Islami
- Ahmad al-Raysuni, 1995. *Nazariyyat al-Maqasid 'Ind al-Imam al-Syatibi*. Ma'had 'Ali li al-Fikr al-Islami.
- Ahmad Ibrahim, 1978. "Interpreting the Constitution: Some General Principles" dlm. Suffian, Lee dan Trindade (ed.). *The Constitution of Malaysia: Its Development 1957-1977*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005. *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 916.
- Fatimah bte Sihi & Ors *lwn* Meor Atiqulrahman bin Ishak & Ors [2005] 2 *CLJ* 255; [2005] 3 *AMR* 11.
- Gilchrist, R. N., 1921. *Principles of Political Science*. Bombay: Longman Greens and Co., hlm. 244.
- Kevin Y. L. Tan dan Thio Li-ann, 1997. *Constitutional Law in Malaysia and Singapore*. Edisi Kedua. Singapura: Butterworths Asia, hlm. 930-85.
- Laporan Suruhanjaya Perlembagaan 1956-1957.
- Laporan Suruhanjaya Reid 1956-1957.
- Lina Joy *lwn* Majlis Agama Islam Wilayah & Anor [2004] 2 *MLJ* 119 (MT).
- Lina Joy *lwn* Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor [2004] 6 *CLJ* 242.
- Lina Joy *lwn* Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor [2005] 4 *CLJ* 666.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 1992. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, hlm. 2.
- Meor Atiqulrahman bin Ishak & Yang Lain *lwn* Fatimah bte Sihi & Yang Lain [2000] 1 *CLJ* 393; [2000] 5 *MLJ* 375.
- Mohamad Habibullah bin Mahmood *lwn* Faridah binti Dato' Talib [1993] 1 *CLJ* 264.
- Mohamed Salleh Abas, 1984. *Selected Articles and Speeches on Constitution, Law and Judiciary*. Selangor: Malaysian Law Publishers Sdn. Bhd., hlm. 42.
- Mohamed Suffian, 1989. *An Introduction to the Legal System of Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 10.
- Muhammad al-Tahir ibn 'Asyur, 1366H. *Maqasid al-Syari 'at al-Islamiyyah*. Tunisia: Maktabah al-Istiqamah, hlm. 3.

- Muhammad al-Tahir Ibn ‘Asyur, 1998. *Maqasid al-Syari’ah al-Islamiyyah*. t.t.: Al-Basyair li al-Intaj al-‘Ilmi.
- Muhammad ibn Manzur, t.th. *Lisan al-‘Arab*. Jilid 3. Beirut: Dar Sadir, hlm. 353.
- Perlembagaan Persekutuan.
- Perlembagaan Negeri Johor, perkara 57 (Bhgn. 1).
- Perlembagaan Negeri Kedah, perkara 33A.
- Perlembagaan Negeri Kelantan, perkara 5.
- Perlembagaan Negeri Melaka, perkara 167.
- Perlembagaan Negeri Sembilan, perkara 5.
- Perlembagaan Negeri Pahang, perkara 23 (Bhgn. 1).
- Perlembagaan Pulau Pinang, perkara 5.
- Perlembagaan Negeri Perak, perkara 5.
- Perlembagaan Negeri Perlis, perkara 5.
- Perlembagaan Negeri Sabah, perkara 5A.
- Perlembagaan Negeri Selangor, perkara 47 (Bhgn. Ke-2).
- Perlembagaan Negeri Terengganu.
- Phang Chin Hock *lwn* Public Prosecutor [1979] 1 *LNS* 67; [1980] 1 *MLJ* 70.
- Rizal Yaakob dan Shamrahayu A. Aziz, 2014. *Kontrak Sosial Perlembagaan Persekutuan Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka*. Kuala Lumpur: ITBM.
- Sagong Tasi *lwn* Kerajaan Negeri Selangor [2002] 2 *MLJ* 591.
- Shamrahayu A. Aziz, “Islam is the Religion of the Federation – its Meaning and Implication” [2005] 14 *IJUMMLJ* 33.
- Shamrahayu A. Aziz, “Nullum Crimen Nulla Poena Sine Lege: Non-retrospective Application of Law under the Malaysian Federal Constitution” [2008] 4 *The Law Review* 538.
- Shamrahayu A. Aziz, “Some Thoughts on the Relationship between Law and Religion in Malaysia” [2009] 1 *CLJ* xix.
- Shamrahayu A. Aziz, “Propagation of Religious Doctrines to Muslims: A Legal Perspective” [2010] 2 *MLJ* cx.–cxxiv.
- Shamrahayu A. Aziz, “Raja Berperlembagaan Kesinambungan Waad, Raja dan Rakyat” dlm. Mohd. Yusof Hitam, Ghazali Dato’ Mohd Yusoff dan Sofian Ahmad, 2016. *Rakyat, Raja dan Kerajaan Ketatanegaraan Peribumi Bangsa Rumpun Melayu*. Kuala Lumpur: Lembaga Peradaban Melayu (ADAB).
- Stanley de Smith dan Rodney Brazier, t.th. *Constitutional and Administrative Law*. Edisi Kelapan, hlm. 5.
- Sukma Darmawan Sasmitaat Madja *lwn* Ketua Pengarah Penjara Malaysia

& Anor [1998] 4 *CLJ* 538.

Wahbah al-Zuhaili, 1996. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Jilid 2. Damsyik: Dar al-Fikr, hlm. 1017.

Wheare, K. C., 1966. *Modern Constitutions*. Oxford [Oxfordshire]: Oxford University Press

ZI Publications Sdn. Bhd. (Company No. 398106-W) & Mohd. Ezra Bin Mohd Zaid *lwn* Kerajaan Negeri Selangor (Kerajaan Malaysia & Majlis Agama Islam Selangor sebagai Pencelah-Pencelah) melalui [http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/1-12-2012\(B\).pdf](http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/1-12-2012(B).pdf).